

Takungan air kritikal

■ Kapasiti air di Empangan Padang Saga dan enam empangan lain di empat negeri membimbangkan

Oleh Fazurawati Che Lah
fazurawati@mediapri-
ma.com.my
Kuala Lumpur

Sejak minggu lalu, Empangan Padang Saga, Kedah berada pada tahap kritikal apabila kapasiti baki takungan air semasa hanya pada berjumlah -0.18 meter.

Berdasarkan rekod di laman Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) jumlah baki takungan itu bersamaan 0.06 juta liter padu yang mana ia berada di tahap membimbangkan.

Selain empangan itu, enam empangan di empat negeri menunjukkan kapasiti takungan air di bawah paras 40 peratus.

Empangan berkenaan iai-

“Walaupun operasi pembenihan awan sudah dilaksanakan sejak bulan lalu, kapasiti takungan di empangan terbabit tidak menunjukkan peningkatan baik”

Jurucakap JPS

tu Empangan Machap, Johor; Empangan Bukit Kwong, Kelantan; Empangan Muda, Kedah; Empangan Timah Tasoh, Perlis dan Empangan Sungai Selangor, Selangor berada

pada tahap minimum.

Penyusutan kapasiti takungan air di empangan terbabit dipercayai kerana cuaca panas dan kering selain kurangnya kadar hujan yang diterima oleh kawasan tadahan sejak Januari lalu.

Jurucakap JPS Selangor berkata, kapasiti takungan air di setiap empangan terbabit berupaya mencecah tahap 55 peratus sekiranya faktor cuaca serta kadar taburan hujan yang diterima di kawasan tadahan itu berterusan sehingga tempoh tiga bulan.

“Walaupun operasi pembenihan awan sudah dilaksanakan sejak bulan lalu, kapasiti takungan di empangan terbabit tidak menunjukkan peningkatan baik,” katanya di sini, semalam.

Pengarah Bahagian Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Azhar Ishak berkata, pihaknya sudah memulakan tumpuan proses pembenihan awan ber-

mula Ahad lalu.

“Kita sudah menjalankan pembenihan awan untuk empangan utama di Perak pada Ahad lalu dan akan fokus selama seminggu di empat empangan utama di Selangor bermula esok (hari ini).

“Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) meminta supaya pembenihan awan dilakukan di empat empangan utama berkenaan iaitu Empangan Sungai Selangor, Empangan Sungai Tinggi, Empangan Langat dan Empangan Klang Gates,” katanya.

Berdasarkan hasil semakan dalam laman web rasmi LUAS, kapasiti takungan air di empat daripada tujuh empangan di Selangor masih kekal pada paras kritikal iaitu kurang 70 peratus.

Empangan Klang Gate berada pada kapasiti 53.68 peratus bersamaan 13.6 juta liter padu, Empangan Langat (50.49 peratus/17.21 juta liter padu), Empangan Sungai Selangor (37.73 pera-

**Paras Air Empangan
(sehingga 5 petang 14 April 2014)**

Empangan	Paras Normal (m)	Paras Minimum (m)	Paras Semasa (m)	Baki (m)
Machap (Johor)	16.50	13.10	14.37	1.27
Sembrong (Johor)	10.00	6.00	8.47	2.47
Bekok (Johor)	15.50	8.70	13.01	4.31
Padang Saga (Kedah)	19.50	18.50	18.32	0.18
Bukit Kwong (Kelantan)	16.76	12.20	14.26	2.06
Ahning (MADA)	105.70	101.90	102.19	0.29
Muda (MADA)	94.50	82.20	91.85	9.65
Timah Tasoh (Perlis)	29.10	25.30	27.21	1.91
Bukit Merah (Perak)	8.70	6.40	6.93	0.53
Langat (Selangor)	220.96	204.21	211.70	7.49
Sungai Selangor (Selangor)	220	184.63	190.45	5.82
Tasik Subang (Selangor)	38.56	34.75	37.66	2.91
Sungai Tinggi (Selangor)	59.50	45.03	52.97	7.94
Batu (Wilayah)	102.00	79.00	99.16	20.16
Genting Kelang (Wilayah)	94.00	84.00	89.98	5.98

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran

tus/86.79 juta liter padu) dan Empangan Sungai Tinggi (60.92 peratus/69.75 juta liter padu).

Kapasiti tiga empangan lain termasuk Empangan Batu, Semenyih dan Tasik Subang pula kekal pada tahap mele-

bihi 70 peratus.

Krisis bekalan air sejak Februari lalu menyebabkan lebih 6.7 juta penduduk di sekitar Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya terjejas dan mereka juga bakal berdepan dengan catuan bekalan air tiga bulan lagi.